

1. Pemohon dinasihatkan membaca dengan teliti arahan-arahan di dalam panduan ini sebelum mengisi borang.
2. Sila lengkapkan borang ini dengan menggunakan HURUF BESAR atau tandakan (✓) pada yang berkenaan dengan menggunakan pen dakwat hitam atau biru. Penggunaan cecair atau pita pemadam pada borang permohonan dan dokumen sokongan adalah tidak dibenarkan.
3. Penerima Simpanan adalah terdiri daripada isteri, suami, ibu bapa atau anak-anak kepada pemohon.
4. Semua salinan dokumen sokongan, salinan MyKad atau dokumen pengenalan diri lain ahli dan Penerima Simpanan hendaklah dicetak atau disalin di atas kertas bersaiz A4. Bagi ahli dan Penerima Simpanan yang memiliki MyKad, sila cetak atau salin bahagian hadapan dan belakang MyKad atas muka surat yang sama kertas A4 seperti contoh dalam gambar di bawah :-



5. Pemohon dikehendaki menurunkan tandatangan, tarikh permohonan serta cap ibu jari kanan dan kiri. Cap ibu jari mestila diturunkan dengan terang dan jelas dengan menggunakan pad cap jari berwarna hitam di dalam ruangan yang disediakan seperti panduan di bawah:-



6. Bagi permohonan serahan borang di kaunter KWSP, Pemohon hendaklah membawa bersama dokumen sokongan asal berserta salinannya bagi tujuan pengesahan oleh Pegawai KWSP (sekiranya pengesahan salinan dokumen belum dibuat).
7. Borang permohonan ini boleh juga dihantar kepada KWSP melalui pos ke alamat:-
JABATAN PENGURUSAN TRANSAKSI
Menara KWSP
No 1, Persiaran KWASA Utama, KWASA Damansara, Seksyen U4,
40150 Shah Alam, Selangor.
7. Bagi permohonan melalui pos, semua salinan dokumen sokongan yang dikehendaki perlu disertakan bersama-sama dan telah disahkan oleh salah satu daripada senarai pihak yang diiktiraf KWSP iaitu :-
 - Pegawai KWSP yang terdiri daripada Pegawai Gred 18 dan ke atas
 - Pegawai Kaunter KWSP
 - Majikan Pemohon
 - Penghulu atau Penggawa
 - Jaksa Pendamai
 - Kumpulan Pengurusan/Profesional Kerajaan
 - Ahli Dewan Undangan Negeri
 - Ahli Parlimen

8. Dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan adalah seperti di berikut :-
- i. Borang Permohonan KWSP 3B
 - ii. MyKad atau Kad Kuasa Polis/Tentera Penambah Simpanan & Penerima Simpanan. Surat Pengesahan Kad Pengenalan Awam. Sijil Kelahiran Penambah/Penerima Simpanan diperlukan sekiranya tidak mempunyai MyKad.
 - iii. Pasport Penambah Simpanan yang masih sah tempoh laku (Bagi bukan warganegara)
 - iv. Sijil Warganegara Penambah Simpanan – sekiranya masih belum mendapat MyKad
 - v. Sijil Kelahiran Penambah Simpanan (sekiranya menambah simpanan untuk ibu atau bapa)
 - vi. Surat Nikah/Sijil Perkahwinan atau Sijil Kelahiran Anak) sekiranya menambah Simpanan untuk isteri atau suami)
 - vii. Surat Pengesahan Anak Angkat dari JPN (sekiranya penambah simpanan adalah anak angkat)